

Kajian gangguan seksual dalam talian dilancar

Kementerian kumpul input sebelum gubal rang undang-undang

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melancarkan Kajian Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual sebagai langkah pengumpulan input ke arah penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kajian soal selidik itu dibuat secara dalam talian yang akan berlangsung selama sebulan bermula semalam hingga 5 September depan.

Beliau berkata, soal selidik ini mengandungi 21 soalan yang menyentuh mengenai pemahaman, pengalaman dan cadangan tindakan lanjutan daripada masyarakat dan mengambil masa lima hingga 10 minit untuk dijawab.

"Ini antara cara untuk kita memahami, mendekati dan mendapatkan pandangan masyarakat berkaitan gangguan seksual, terutama mereka yang pernah menjadi mangsa, sekali gus membantu menggubal undang-undang yang lebih baik.

"Identiti mereka yang menjawab soal selidik ini dirahsiakan dan mereka yang berumur 18 tahun ke bawah juga boleh me-



Dr Wan Azizah melancarkan Pertandingan Video Kreatif 'Hentikan! Stop It!' dan Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual, di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ngambil bahagian.

"Borang soal selidik boleh didapati di www.kpwkm.gov.my dan www.jpw.gov.my serta di media sosial KPWKM dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)," katanya selepas melancarkan Pertandingan Video Kreatif 'Hentikan! Stop It!' dan Soal Selidik Mengenai Gangguan Seksual di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh.

Selain itu, KPWKM melalui JPW juga melancarkan pertandingan video kreatif 'Hentikan! Stop It!' sebagai advokasi untuk menggalakkan pembabitn masyarakat dalam memahami peranan setiap individu dalam mencegah keganasan, termasuk gangguan seksual yang berlang-

sung semalam hingga 5 Oktober depan.

"Kementerian berharap pertandingan ini akan memberi inspirasi kepada masyarakat, terutama anak muda untuk mencahar pemikiran dalam meningkatkan kesedaran mengenai gangguan seksual secara efektif.

"Sebagai kementerian yang komited meningkatkan martabat wanita di negara ini, kami sentiasa melihat kepada inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi menjaga kepentingan mereka, termasuk menggiatkan usaha bagi melindungi dan memperkasakan golongan itu menangani pelbagai bentuk keganasan ke atas mereka, khususnya gangguan seksual," katanya.

Dr Wan Azizah berkata, satu taklimat berhubung cadangan ke-

arah penubuhan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual diadakan kepada ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 16 Julai lalu di Parlimen yang membentangkan cadangan inisiatif KPWKM dalam usaha menggubal rang undang-undang itu serta menjadi platform bagi memperoleh maklum balas daripada semua yang hadir.

"Bagaimanapun, KPWKM sedar isu gangguan seksual turut berlaku kepada lelaki, tidak kira tua atau muda, jadi usaha menghentikan keganasan ke atas wanita atau lelaki, termasuk gangguan seksual, memerlukan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai sebarang bentuk keganasan yang berasaskan gender," katanya.